

'Tak perlu tekan Kabinet'

BH - 19/4/2006

Dr Mahathir berhak beri pendapat tetapi tidak semestinya sehaluan

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim,
Nazura Ngah, Hasnira Hassan,
Rasheffa Abdul Rashid, Zaharah
Manan dan Nasir Hassan

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak mempertahankan keputusan kerajaan membatalkan pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor, walaupun Tun Dr Mahathir Mohamad berulang kali menyifatkan ia boleh menjejaskan maruah negara kerana dilihat 'menyerah' kepada republik itu.

Walaupun mengakui bekas Perdana Menteri itu berhak menyatakan pandangannya berhubung isu itu, mereka bersependapat bahawa tidak perlu wujud sebarang bentuk tekanan dalaman terhadap keputusan Kabinet.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, Dr Mahathir berhak menyuarakan pendapatnya tetapi pandangan itu tidak semestinya sehaluan pandangan kerajaan.

"Tidak semestinya pandangan Dr Mahathir diterima kerajaan seperti juga pandangan kerajaan tidak dipersetujui beliau. Saya tak nak komen lagi kerana beliau orang yang sangat saya hormati... tak manis," katanya yang juga Naib Presiden Umno.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata keputusan itu tidak menjatuhkan maruah negara.

Katanya, syarat Singapura mahu mendapatkan pasir dan ruang udara itu sama seperti kisah peminangan

Puteri Gunung Ledang oleh Sultan Melaka, yang membabitkan syarat tidak masuk akal dengan niat sebenar mahu menolak apa yang dimahukan.

"Bukan bermakna kita tarik diri, kita hilang maruah. Sebenarnya kita tambah bermaruah kerana tidak mahu melayan permintaan bukan-bukan dan tidak masuk akal oleh Singapura," katanya.

Diminta mengulas mengenai kritikan yang dilontarkan Dr Mahathir berhubung isu itu, Muhammad berkata: "Kita menghormati pendiriannya".

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata Dr Mahathir bebas mengemukakan pandangannya dan beliau percaya akhbar sentiasa memberi ruang kepadanya untuk berbuat demikian.

"Jika kita layan nampak tidak ada keputusan. Jadi lebih baik kita pinggirkan saja cadangan hendak bina jambatan itu... tak payah lagi tiap-tiap hari gaduh pasal itu," katanya.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata kerajaan berhak membuat keputusan itu dan perlu bertanggungjawab atas semua tindakan yang diambil.

Katanya, pandangan Dr Mahathir yang disiarkan media bukti proses demokrasi wujud di negara ini tetapi menegaskan kerajaan juga mempunyai pandangan sendiri.

"Saya menghormati keputusan kerajaan dan pada masa sama saya menghormati pandangan Tun Dr Mahathir," katanya.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, pula berkata

tindakan Dr Mahathir mengkritik beberapa keputusan kerajaan, pernah dilalui Dr Mahathir sendiri ketika baru memegang jawatan itu.

"Ketika itu, saya baru menjadi ahli Majlis Tertinggi (MT), saya lihat Dr Mahathir banyak menghadapi masalah dan kritikan daripada (Almarhum) Tunku Abdul Rahman," katanya.

Veteran Umno, Tan Sri Aziz Tapa, berkata Dr Mahathir berhak menyatakan pendirian atau kritikan tetapi bagi dirinya adalah lebih tidak bermaruah jika kerajaan mengorbankan pasir dan ruang udara kepada Singapura.

"Jika beri pasir dan ruang udara, itu lebih tidak bermaruah. Saya melihat kebaikan umum dan bersetuju dengan keputusan kerajaan," katanya.